

UniKL MSI anjur Pameran Inovasi Eureka 2015

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
rafie.azimi@utusan.com.my

“SENTIASA ada jalan untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik, carilah...”

Itu sebahagian daripada petikan kata-kata termasyhur ‘bapa pereka cipta’ Amerika Syarikat, Thomas Edison yang cukup terkenal dengan lebih 1,000 paten barangan menggunakan namanya.

Jika diteliti petikan popular itu, jelas menggambarkan betapa Edison sentiasa percaya bahawa ada ‘rahsia’ di sebalik apa saja barangan yang ada di dunia ini. Cuma, usaha perlu dijalankan manusia agar rahsia mampu menghasilkan sesuatu yang bermanfaat.

Diakui perkara itu tidak semudah diungkap, namun jika hendak melentur buluh, biarlah daripada rebungunya. Justeru, tindakan Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) menganjurkan Pameran Inovasi Eureka (EIE) yang sudah pun masuk tahun kedua wajar dipuji.

Jika tahun sebelumnya peserta hanya terdiri daripada mahasiswa di peringkat pengajian tinggi, namun pada tahun ini dua lagi kategori iaitu untuk pelajar sekolah menengah dan rendah turut diwujudkan.

Malah, jumlah peserta turut meningkat dua kali ganda iaitu sebanyak 190 institusi berbanding hanya 80 penyertaan dalam program yang berlangsung selama tiga hari bermula 28 Julai lalu.

Menurut Presiden Universiti Kuala Lumpur, Datuk Dr. Mazliham Mohd. Su’ud, penganjuran program tersebut pada tahun



Bagi kami, EIE bukan saja medan mempamerkan kreativiti anak-anak muda dalam bidang inovasi, malah turut menjadi pentas terbaik untuk para pelajar dan mahasiswa ini mengasah kemahiran keusahawanan mereka untuk masa depan,”

MAZLIHAM MOHD. SU’UD
Presiden Universiti Kuala Lumpur



ini amat membanggakan dengan kualiti barangan dipamerkan berada pada kelas tersendiri.

“Lebih membanggakan, ada dalam kalangan barangan tersebut yang sudah pun ‘ditempah’ industri untuk dikomersialkan. Sudah tentu, perkara seperti itu merupakan sesuatu yang amat membanggakan bagi ‘anak-anak’ ini serta kami sebagai penganjur.

“Bagi kami, EIE bukan saja medan mempamerkan kreativiti anak-anak muda dalam bidang inovasi, malah turut menjadi pentas terbaik untuk para pelajar dan mahasiswa ini mengasah kemahiran keusahawanan mereka untuk masa depan,” katanya.

Menjelaskan lebih lanjut, Mazliham

berkata kejayaan yang dicapai menerusi program itu sejajar dengan misi UNIKL untuk melahirkan usahawan berjaya selain menjadikan pusat pengajian tinggi tersebut lebih kompetitif terutamanya menerusi kecemerlangan pendidikan, latihan, penyelidikan serta beberapa bidang berkaitan.

“Untuk itu, program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang. Sudah tentu, kualitinya akan dipertingkatkan dan mungkin para peserta perlu menjalani tapisan ketat untuk menyertai EIE pada tahun depan,” ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi

dan Sumber Tenaga Manusia Kedah, Datuk Norsabrina Mohd. Noor jelas gembira serta berterima kasih terhadap penganjuran program berkenaan di Kedah.

“Saya percaya, bakat menginovasi serta kreativiti terutamanya melalui sains, kejuruteraan dan teknologi merupakan asas kepada pemantapan ekonomi seperti digariskan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

“Sekalung tahniah di atas penganjuran yang saya rasakan cukup berjaya kali ini. Melalui EIE, kita bersama-sama meningkatkan kesedaran awam terutamanya generasi muda terhadap kepentingan bidang kemahiran serta keusahawanan yang mampu menjadi teras kepada pemerikasaan ekonomi negara,” ujarnya.

Sementara itu Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET), Lumut, Perak dinobatkan selaku kontinjen terbaik dalam pameran tersebut apabila meraih empat emas, empat perak dan tiga gangsa.

Pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (UM), Mohammed Ali Al-Garadi dari Yaman pula meraih anugerah ‘best of the best’ menerusi ciptaannya, aplikasi pengesan buli siber di twitter yang turut diangkat sebagai ciptaan terbaik bagi kategori elektrik, dan elektronik, teknologi maklumat, multimedia serta komunikasi.



MAZLIHAM MOHD. SU’UD menyampaikan hadiah Anugerah Emas kepada pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Hi-Tech, Kulim, Kedah.



NORSABRINA MOHD. NOOR menyampaikan Anugerah Istimewa (Anugerah Terbaik untuk Pencipta Muda) kepada kumpulan pelajar daripada SMK Ibrahim, Kedah.



PARA peserta yang juga terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah mengetengahkan projek ciptaan mereka pada Pameran Inovasi Eureka (EIE) 2015 yang berlangsung di UniKL MSI, Kulim, Kedah.